



GARIS PANDUAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 1 (TeD 1)

**Bahagian Dana
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 4, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
Tel: 603 – 8885 8316 / 8302 / 8703 / 8318 / 8320
E-mel : helpdesk-eDana@mosti.gov.my**

KRONOLOGI GARIS PANDUAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 1

No.	Pindaan	Perihal Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
1.	-	Penerbitan awal	1 Januari 2021

MOSTI berhak mengubah Garis Panduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.

KANDUNGAN

1.	Pengenalan.....	4
2.	Objektif.....	4
3.	Bidang Keutamaan	5
4.	Kategori Pemohon.....	5
5.	Kriteria Kelayakan	5
6.	Proses Permohonan.....	8
7.	Penyediaan Kontrak dan Pembayaran Pertama	10
8.	Hasil Penyelidikan	11
9.	Kuantum dan Tempoh Pembiayaan.....	12
10.	Skop Pembiayaan.....	12
11.	Pembayaran	15
12.	Pemantauan Projek.....	17
13.	Pemilikan dan Penggunaan Peralatan R&D.....	18
14.	Harta Intelekt (IP)	19
15.	Insentif bagi Harta Intelekt.....	19
16.	Penamatan.....	20
17.	Penyata Perbelanjaan dan Dana yang Tidak Dibelanjakan	20
18.	Malaysian Code of Responsible Conduct in Research	21
19.	Kelulusan Etika, Kelulusan Jawatankuasa Keinstitusian BiokeSELAMATAN (IBC)/ PemaKluman dan PemaTuhAn kepada Peraturan-peraturan yang berkaitan	21

1. PENGENALAN

Dana Pembangunan Teknologi 1 (TeD 1) terbuka kepada penyelidik dan syarikat yang berminat untuk melaksanakan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan proses dan produk baharu dalam bidang yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan. Projek R&D tersebut hendaklah berpotensi dalam menyelesaikan permasalahan di peringkat nasional secara lestari dan holistik.

Projek yang dicadangkan hendaklah sekurang-kurangnya pada tahap formulasi konsep; iaitu pelan atau reka bentuk penghasilan teknologi, proses atau produk baru yang berpotensi untuk dikomersialkan. Hasil projek adalah teknologi prototaip baharu, proses atau produk yang nilainya dapat dihasilkan untuk pelanggan, industri dan masyarakat.

2. OBJEKTIF


2.1 Tujuan Dana Pembangunan Teknologi 1 (TeD 1) adalah untuk:

2.1.1 membangunkan konsep sedia ada yang berkaitan dengan reka bentuk teknologi, proses atau produk yang berpotensi untuk dikomersialkan; dan

2.1.2 merangsang pertumbuhan penyelidikan dan pembangunan teknologi dalam kalangan Institut Penyelidikan Kerajaan, Agensi STI, Institusi Pengajian Tinggi dan industri.

2.2 Tahap Kesiediaan Teknologi (TRL) adalah kaedah untuk menentukan kematangan teknologi ketika fasa pemerolehan program yang dibangunkan oleh *National Aeronautics and Space Administration* (NASA). Cadangan projek di bawah TeD 1 hendaklah mencapai TRL 2 hingga TRL 3 seperti di Rajah 1 dan perinciannya di **Lampiran 1** (TRL 1- 9).

Rajah 1: Skop dana TeD 1 mengikut TRL



3. BIDANG KEUTAMAAN

3.1 Permohonan projek perlu merangkumi Rangka Kerja 10-10 *Science, Technology, Innovation & Economy* (MySTIE) oleh Akademi Sains Malaysia (ASM). Pemacu Sosioekonomi adalah seperti di bawah dan bidang keutamaan adalah seperti di **Lampiran 2**.

- 3.1.1 Tenaga;
- 3.1.2 Pendidikan;
- 3.1.3 Air dan Makanan;
- 3.1.4 Pertanian dan Perhutanan;
- 3.1.5 Alam Sekitar dan Biodiversiti;
- 3.1.6 Bandar Pintar dan Pengangkutan;
- 3.1.7 Perubatan dan Penjagaan Kesihatan;
- 3.1.8 Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- 3.1.9 Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan;
- 3.1.10 Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu).

4. KATEGORI PEMOHON

4.1 Dana TeD 1 adalah terbuka kepada:

- i. Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- ii. Syarikat Pemula (*start-up*);
- iii. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta;
- iv. Institut Penyelidikan Kerajaan; dan
- v. Agensi Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan.

5. KRITERIA KELAYAKAN

5.1 Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu mematuhi syarat berikut:

- a. Terbuka kepada Syarikat dan Perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala Perniagaan di Sabah dan Sarawak perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan. PKS juga hendaklah berdaftar dengan badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan professional.

b. Definisi syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti Jadual 1:

Jadual 1: Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana berdasarkan Saiz Operasi

Kategori	Kecil	Sederhana
Pembuatan	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta; atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 75 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta; atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 75 orang kepada tidak melebihi 200 orang.

Kategori	Kecil	Sederhana
Perkhidmatan dan Sektor Lain	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta; atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang hingga kurang daripada 30 orang. 	<ul style="list-style-type: none"> Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta; atau bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 orang kepada tidak melebihi 75 orang.

Sumber: SME Corporation Malaysia

5.2 Definisi Syarikat Pemula (*start-up*): *A technology- or innovation-enabled business at early stage with a scalable business model and a high-growth strategy.*

5.3 Kriteria kelayakan bagi Syarikat Pemula (*start-up*) adalah seperti berikut:

- i. Berdaftar dengan Suruhjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- ii. Pemilikan majoriti warganegara Malaysia (>50%);
- iii. Modal berbayar sekurang-kurangnya RM10,000.00;
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) pengarah syarikat;
- v. Perniagaan berasaskan teknologi; dan
- vi. Operasi syarikat tidak melebihi 5 tahun.


- 5.4 Pemohon digalakkan untuk bekerjasama dengan Syarikat Pemula/ Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) atau Institusi Penyelidikan Kerajaan/Agensi STI Kerajaan/Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (letter of intent) dan lain-lain dokumen yang berkaitan).
- 5.5 Semua kategori syarikat hendaklah memiliki minimum 51% ekuiti yang dipegang oleh rakyat Malaysia.
- 5.6 Pengarah syarikat atau anggota pasukan projek tidak pernah disabitkan atas kegiatan penipuan atau syarikat diisytihar muflis, atau dalam pembubaran atau di bawah *receivership*.
- 5.7 Ketua Projek yang terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja boleh mengetuai projek tetapi boleh melibatkan ahli projek daripada organisasi antarabangsa atau ekspatriat yang bekerja dari institusi yang sama.
- 5.8 Penyelidik yang bekerja di bawah kontrak Institusi Penyelidikan Kerajaan/ Agensi STI Kerajaan/ IPT hendaklah memastikan bahawa kontrak pekerjaan masih sah sepanjang tempoh projek.
- 5.9 Ahli pasukan projek harus terdiri daripada ahli yang berkelayakan dan cekap dalam aspek teknikal. Setiap ahli pasukan hendaklah menyediakan *resume (curriculum vitae)* yang jelas mengenai bidang penyelidikan, pengalaman dan kejayaan yang telah dicapai.
- 5.10 Jika ahli projek adalah daripada institusi yang berlainan, surat kebenaran daripada ketua jabatan hendaklah dikemukakan.
- 5.11 Pemohon dibenarkan mengemukakan beberapa permohonan bagi projek-projek yang berbeza dengan syarat pemohon mempunyai kemampuan dari segi sumber manusia dan kewangan yang kukuh.
- 5.12 Ketua Projek hanya dibenarkan mengetuai satu projek sahaja di bawah kelulusan MOSTI pada satu masa.
- 5.13 Projek mesti dilaksanakan di Malaysia.
- 5.14 Projek yang dicadangkan perlu mengandungi elemen pembangunan eksperimental (*experimental development*) yang boleh di komersialkan.

- 5.15 Ketua Projek perlu memaklumkan kepada pihak MOSTI sekiranya telah menerima dana daripada pihak-pihak yang lain bagi projek yang sama.
- 5.16 Permohonan projek yang berkaitan dengan penguatkuasaan keselamatan dan pertahanan (polis dan tentera) tidak akan dibiaya di bawah skim ini.
- 5.17 Permohonan yang diterima daripada Agensi STI Kerajaan dan GRI bagi penambahbaikan konsep sedia ada iaitu daripada jurnal penerbitan saintifik boleh dipertimbangkan dan projek tersebut hendaklah:
- i. Bersifat inovatif;
 - ii. Ketua projek perlu mengemukakan dokumen pembuktian berhubung pandangan daripada penyelidik asal berkaitan kesesuaian konsep tersebut sebelum mengemukakan permohonan; dan
 - iii. Pemohonan perlu mengemukakan bukti carian harta intelek bagi memastikan teknologi dan inovasi yang hendak dilaksanakan adalah sesuatu yang baharu dan mempunyai nilai komersial.

6. PROSES PERMOHONAN

- 6.1 Proses permohonan akan melibatkan tiga (3) peringkat utama seperti ditunjukkan di Rajah 2:

Rajah 2: Peringkat Proses Permohonan



6.2 Peringkat 1: Permohonan

- i. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan beserta dokumen sokongan seperti **Lampiran 3** melalui <http://edana.mosti.gov.my> dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- ii. Semua permohonan hendaklah disemak dan disahkan oleh pihak berautoriti di organisasi pemohon seperti Ketua Jabatan atau Pusat Pengurusan Penyelidikan. Pemohon hendaklah

mengisytiharkan bahawa permohonan projek yang dikemukakan tidak pernah dibiayai oleh mana-mana pihak pembiaya.

- iii. Pemohon perlu bersertakan bersama Model Perniagaan projek seperti di **Lampiran 4**.
- iv. Permohonan yang dihantar akan disemak oleh MOSTI bagi memastikan permohonan dan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan memenuhi kelayakan asas permohonan Dana TeD 1. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon.

6.3 Peringkat 2: Penilaian

- i. Permohonan yang telah lengkap akan diteliti oleh Jawatankuasa Penilaian Dana (JPD) berdasarkan kriteria seperti Jadual 2.
- ii. Pemohon akan dijemput untuk membentangkan cadangan projek kepada JPD. Sekiranya perlu, pemohon akan diminta untuk meminda atau menyemak semula kertas cadangan projek bagi tujuan penambahbaikan. Proses *due diligence* akan dilakukan untuk tujuan pengesahan (jika perlu).
- iii. Keputusan dan syor JPD akan dibentangkan kepada Jawatankuasa di peringkat MOSTI.


Jadual 2: Kriteria penilaian dana TeD 1

Teknikal		Komersial		
i. Teknologi baharu/ unik/ inovatif ii. Metodologi bersesuaian/terkini iii. Disokong dengan penyelidikan asas/ data saintifik iv. Pematuhan peraturan dan standard		i. Kelebihan daya saing ii. Potensi dan permintaan pasaran iii. Kelestarian iv. Keberkesanan kos		
Impak Sosial	Impak Ekonomi	Impak Alam Sekitar	Kewangan	Pengurusan
i. Peningkatan taraf hidup ii. Penciptaan Pekerjaan Berkemahiran dan Pekerja Berpengetahuan iii. Penyelesaian masalah masyarakat iv. Peningkatan keselamatan	i. Potensi penwujudan industri baharu ii. Penggunaan sumber yang optimum iii. Meningkatkan produktiviti dan kualiti produk / perkhidmatan iv. Potensi eksport	i. Kesan terhadap alam sekitar ii. <i>Circular economy</i>	i. Perancangan kewangan projek ii. Kelestarian kewangan	i. Kelayakan profesional / Pengalaman ketua projek & Ahli Pasukan ii. Perancangan pelaksanaan projek iii. Pengurusan risiko

6.4 Peringkat 3: Pemakluman Keputusan

- i. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem eDana atau e-mel.
- ii. Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan maklum balas penerimaan atau penolakan tawaran dana melalui sistem e-Dana atau e-mel.
- iii. Keputusan jawatankuasa di peringkat MOSTI adalah **MUKTAMAD**.
- iv. Proses penilaian sehingga pemakluman keputusan akan mengambil masa selama 45 hari selepas penerimaan maklumat lengkap daripada pemohon. Aliran proses kerja adalah seperti Rajah 3.

Rajah 3: Aliran Proses Kerja



7. PENYEDIAAN KONTRAK DAN PEMBAYARAN PERTAMA

- 7.1 Pemohon yang berjaya perlu mengemukakan dokumen berikut selepas menerima surat tawaran daripada MOSTI.
 - i. Surat Penerimaan Tawaran;
 - ii. Salinan maklumat bank (syarikat dikehendaki mewujudkan akaun bank khas bagi tujuan pelaksanaan projek);
 - iii. Salinan pendaftaran e-vendor dengan maklumat bank khas;
 - iv. Perincian *milestone* dengan peruntukan yang diluluskan; dan
 - v. Perjanjian di antara pihak bekerjasama (kolaborator) dengan menyatakan skop kerja, pemilikan IP dan pembelian peralatan semasa

pelaksanaan projek. Perjanjian perlu dihantar kepada MOSTI dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat tawaran. MOSTI berhak membatalkan kelulusan sekiranya pemohon gagal mengemukakan dokumen perjanjian.

- 7.2 Penerima dana akan dijemput ke sesi perbincangan perincian *milestone* berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh MOSTI.
- 7.3 Pegawai yang diberi kuasa daripada syarikat atau institusi penerima dana sahaja berhak menandatangani Perjanjian Dana TeD 1 .
- 7.4 Perjanjian akan ditandatangani oleh pengurusan atasan MOSTI dan akan dikembalikan kepada penerima dana untuk dimatikan setem.
- 7.5 Proses pembayaran pertama kepada penerima dana akan dilaksanakan apabila MOSTI menerima perjanjian yang telah dimatikan setem.

8. HASIL PENYELIDIKAN

- 8.1 Hasil penyelidikan projek hendaklah hasil yang nyata (*tangible*), dapat diukur, atau produk tertentu yang dihasilkan dari pelaksanaan projek.
- 8.2 Hasil penyelidikan projek yang dicadangkan hendaklah berkaitan dengan objektif projek dengan memberikan kaedah yang tepat untuk mengesan / mengukur kejayaan projek.
- 8.3 Projek di bawah TeD 1 hendaklah menghasilkan:
 - i. Teknologi, proses atau produk yang dihasilkan dari projek hendaklah terbukti kebolehlaksanaan bagi memastikan kesinambungan projek ke fasa seterusnya;
 - ii. Pendaftaran sekurang-kurang satu (1) harta intelek yang berkaitan dengan skop projek;
 - iii. Sekurang-kurangnya dua (2) orang modal insan di bawah TeD 1;
 - iv. Penyelidik dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta, Institusi Penyelidikan Kerajaan dan Agensi STI Kerajaan hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dari hasil projek di peringkat tempatan atau antarabangsa dalam penerbitan

Q1 atau Q2 ISI / WOS. Penghargaan kepada MOSTI hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

9. KUANTUM DAN TEMPOH PEMBIAYAAN

- a) Kuantum pembiayaan maksimum ialah RM1,000,000.00.
- b) Tempoh pembiayaan projek maksimum adalah 24 bulan.

10. SKOP PEMBIAYAAN

10.1 Skop Pembiayaan untuk Dana TeD 1 adalah seperti di Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Skop Pembiayaan untuk Dana TeD 1

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
Loji Perintis/ prototaip	<ul style="list-style-type: none"> • Peralatan dan infrastruktur sokongan yang berkait langsung dengan loji perintis atau prototaip untuk peningkatan (<i>up scale</i>) • Aktiviti kejuruteraan dan reka bentuk (<i>man-hour</i>) • Penyewaan / Pembaikan peralatan kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Aset modal seperti tanah, bangunan, kenderaan dan perabot • Penyewaan ruang, tanah, bangunan • Alat makmal • Penyelenggaraan peralatan • Komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas, toner, dll. 	Tidak melebihi 40% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI
Ujian pra-klinikal / ujian klinikal / ujian lapangan / ujian tekanan / ujian penerimaan pengguna	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian saringan • Ujian sampel • Bayaran untuk sukarelawan / individu • Analisis data (<i>man-hour</i>) - 20% dari jumlah yang diluluskan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos <i>overhead</i> (bil, perjalanan, pengangkutan) • Sewaan kemudahan 	
Harta Intelek (IP)	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk pendaftaran di Malaysia sahaja, termasuk perkhidmatan penggubalan • IP yang dihasilkan dari projek 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelenggaraan • Perjanjian Kerjasama Paten (PCT) 	

GARIS PANDUAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI 1 (TeD 1)
(1 JANUARI 2021)

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
	<ul style="list-style-type: none"> i) Paten ii) Rekabentuk Perindustrian iii) Insentif 		
Kajian dan penilaian pasaran	<ul style="list-style-type: none"> • Kos Pembangunan sampel pasaran • Analisis data (<i>man-hour</i>) • Pengesahan pasaran berharga sehingga RM15,000 • Pembayaran untuk pembanci (caj / sampel) 	<ul style="list-style-type: none"> • Insentif untuk responden • Bayaran kemudahan sewa dan pameran 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 10% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI • Saiz sampel hendaklah mengikut standard statistik
Pematuhan peraturan dan piawaian	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran pensijilan • Pematuhan standard (tempatan / antarabangsa) • Ujian produk untuk pensijilan • GMP, HALAL & HACCP 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan 	
Perkhidmatan khas	<ul style="list-style-type: none"> • Konsultasi (perjanjian / surat niat mesti diserahkan bersama dengan cadangan projek, perincian konsultasi yang akan dinyatakan) • Perunding untuk kajian dan penilaian pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Production out-sourcing</i> • Perjalanan dan pengangkutan • Pengaturan urusan mesyuarat • Langganan jurnal • Bayaran persidangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 20% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI • Syarikat yang memohon bajet untuk perkhidmatan khas (perunding untuk pengujian dan penilaian pasaran) tidak layak untuk memohon bajet di bawah skop pengujian dan penilaian pasaran

SKOP	ITEM DIBIAYA	ITEM TIDAK DIBIAYA	NOTA
Bahan mentah / bahan guna habis yang berkaitan langsung dengan projek	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan mentah • Bahan guna habis (<i>consumable</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk produk dan pembungkusan • Brosur • Iklan • Reka bentuk dan pembangunan laman web • Pelancaran produk • Alat tulis seperti kertas, buku, dll 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 20% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI
Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> • Melantik GRA yang terlibat secara langsung dalam projek ini. • Kadar elaun GRA adalah mengikut kelayakan akademik iaitu RM3,200 bagi GRA-PhD dan RM3,000 bagi GRA-Sarjana. Elaun ini termasuk potongan untuk PERKESO / KWSP 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran pengurusan • Elaun / bonus untuk kakitangan pengurusan dan teknikal • Penyewaan pejabat • Utiliti seperti telefon, jalur lebar, bil air dan elektrik 	<ul style="list-style-type: none"> • Terpakai untuk pemohon daripada IPT dan kolaborator IPT sahaja
Teknologi/ Perolehan IP	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam dan luar negara • Berpotensi untuk dinaik taraf • Perlu menyediakan perjanjian perolehan / perincian teknologi & IP yang diperoleh • Latihan berkaitan pemindahan teknologi dibuat di dalam negara 	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi 50% daripada kos keseluruhan yang diluluskan MOSTI

10.2 Prosedur pembelian peralatan dan perkhidmatan:

10.2.1 Penerima dana hendaklah **mengemukakan sebut harga** atau bukti kukuh mengenai sebarang pembelian atau perolehan perkhidmatan seperti khidmat perundingan;

10.2.2 Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan yang berharga **melebihi RM100,000.00 disertai dengan 3 atau lebih sebut harga**

dengan bukti yang kukuh. Kaedah 'pecah kecil' pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan adalah tidak dibenarkan;

- 10.2.3 Semua transaksi kewangan mesti dibuat dengan teratur serta dilampirkan bersama semua dokumentasi perbelanjaan termasuk (invois, pesanan pembelian (PO), pesanan penghantaran (DO), penerimaan, dan lain-lain);
- 10.2.4 Pembelian peralatan atau perolehan perkhidmatan daripada **syarikat/ institusi, anak syarikat atau syarikat bersekutu** adalah tidak dibenarkan;
- 10.2.5 Pesanan/ sebut harga pembelian yang dikemukakan mestilah berdasarkan pada harga pasaran semasa. **Penambahan harga dari harga asal adalah tidak dibenarkan;**
- 10.2.6 Pembekal bahan penyelidikan, peralatan dan perkhidmatan untuk projek tersebut **tidak boleh mempunyai konflik berkepentingan** dengan penerima dana; dan
- 10.2.7 Segala permasalahan yang berkaitan dan tidak termasuk dalam klausa 10.2.1 hingga 10.2.6 perlu dibawa ke jawatankuasa di peringkat MOSTI untuk pertimbangan dan kelulusan.


11. PEMBAYARAN

- 11.1 Kaedah pembayaran bagi penerima dana pada Jadual 4.


Jadual 4: Kaedah penyaluran Pembayaran projek

KATEGORI	KAEDAH PENYALURAN
Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	Rajah 4
Syarikat Pemula	Rajah 5
Institusi Penyelidikan Kerajaan	
Agensi STI Kerajaan	
Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta	

Rajah 4: Kaedah Pembayaran kepada PKS



Rajah 5: Kaedah Pembayaran kepada Syarikat Pemula (*start-up*), IPT, Agensi STI dan GRI



- 11.2 Pembayaran pendahuluan akan diproses setelah MOSTI menerima perjanjian yang dimatikan setem.
- 11.3 Pembayaran seterusnya adalah berdasarkan kepada jadual pembayaran dalam perjanjian. Pembayaran akan disalurkan secara berperingkat berdasarkan pencapaian *milestone* dan prestasi perbelanjaan projek.
- 11.4 Pihak Kerajaan berhak meminda peruntukan yang telah diluluskan dan akan menetapkan nilai pembayaran pertama berdasarkan kos *milestone* pertama dan syor oleh panel penilai.

12. PEMANTAUAN PROJEK

- 12.1 Penerima dana dikehendaki mengemukakan laporan berkala berdasarkan pencapaian kemajuan projek (laporan teknikal dan kewangan teraudit) dan dokumen seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian. Sekiranya projek tersebut menunjukkan ketidakpatuhan terhadap perjanjian dan tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan, MOSTI berhak untuk menangguhkan projek atau menarik semula dana.
- 12.2 Aktiviti pemantauan projek merangkumi mesyuarat (secara fizikal/ atas talian) dan lawatan tapak bagi menilai pencapaian kemajuan projek.
- 12.3 Pembayaran akan dibuat berdasarkan prestasi pencapaian kemajuan projek dan dokumen lengkap seperti terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian projek.
- 12.4 Projek hanya boleh dilaksanakan apabila perjanjian projek ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan dimatikan setem. Perbelanjaan yang dibuat sebelum perjanjian dimatikan setem, tidak boleh dituntut dan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada kos projek.
- 12.5 Penerima dana dikehendaki mengemukakan Laporan Akhir Projek (EOP) kepada MOSTI dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek. Surat Penyempurnaan Projek akan dikeluarkan setelah mendapat pengesahan EOP daripada pihak MOSTI. Semua hasil projek mesti diletakkan nama MOSTI sebagai penyumbang dana. Laporan Akhir Projek hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:
 - 12.5.1 *Deliverables* dan hasil akhir projek;
 - 12.5.2 Pencapaian objektif projek;

- 12.5.3 Perancangan pengkomersialan / pemindahan teknologi;
 - 12.5.4 Faedah projek;
 - 12.5.5 Impak projek kepada nasional; dan
 - 12.5.6 Senarai peralatan / kemudahan yang dibeli.
- 12.6 Bagi projek yang mempunyai potensi untuk ke peringkat dana seterusnya (TeD 2), panel akan memberi justifikasi dan syor di dalam laporan pemantauan di peringkat EOP. Projek berpotensi ini dikategorikan sebagai *fast track*.
- 12.7 Walaupun projek telah selesai, MOSTI berhak:
- i. Mendapatkan maklumat berkala mengenai kemajuan projek; atau
 - ii. Menjemput penerima dana bagi penyampaian seminar; atau
 - iii. Menjemput penerima dana untuk mengadakan pameran; atau
 - iv. Mengadakan lawatan ke lokasi projek.
- 12.8 Semua perubahan/ variasi projek adalah tertakluk kepada persetujuan bertulis dari MOSTI. Penerima dana perlu mengemukakan permohonan secara bertulis kepada MOSTI sekurang-kurangnya **satu (1) bulan** untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum perubahan/ variasi dibuat. Walau bagaimanapun, untuk Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta dan Institusi Penyelidikan Kerajaan permohonan hendaklah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

13. PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN PERALATAN R&D

- 13.1 Semua peralatan yang dibeli di bawah skim dana, hendaklah direkodkan dan ditanda dengan nombor projek bagi tujuan pemantauan dan pengesanan. Peralatan tersebut adalah milik penerima dana dan penyelenggaraan peralatan di bawah tanggungjawab penerima dana setelah projek selesai. Walau bagaimanapun, peralatan tersebut bukan untuk penggunaan penerima dana semata-mata, dan perlu bersedia untuk digunakan oleh organisasi penyelidikan lain apabila diperlukan.
- 13.2 Peralatan yang dibeli perlu direkodkan dalam sistem repositori Kerajaan dan dikemaskini maklumat peralatan sehingga Tarikh Luput Perjanjian.
- 13.3 Peralatan yang dibeli menggunakan dana ini tidak boleh dijual dan dipindahkan dalam masa dua (2) tahun setelah projek selesai.

14. HARTA INTELEK (IP)

- 14.1 Produk akhir yang dibangunkan di bawah Dana TeD 1, digalakkan untuk didaftarkan di bawah undang-undang dan pemilikan Harta Intelek (jika perlu).
- 14.2 Penerima dana hendaklah memaklumkan Kerajaan secara bertulis melalui surat rasmi atau emel, tentang kewujudan Harta Intelek Projek tidak lewat dari enam puluh (60) hari dari Tarikh Penyempurnaan Projek.
- 14.3 Penerima dana hendaklah mendapatkan kelulusan Kerajaan sebelum meneruskan sebarang aktiviti pelesenan dan pengkomersialan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian.
- 14.4 Penerima dana boleh memohon daripada Kerajaan untuk mendapatkan hakmilik Harta Intelek Projek di mana Kerajaan mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk mempertimbangkan permohonan daripada penerima dana.
- 14.5 MOSTI berhak untuk mengambil semula Harta Intelek yang telah diperolehi sekiranya didapati penerima dana gagal membangunkan atau meningkatkan teknologi yang dibangunkan sebelum ini selepas 12 bulan hingga 24 bulan daripada tarikh penyempurnaan projek. Ini bagi memastikan teknologi serta produk yang dibangunkan mencapai ke arah pengkomersialan.

15. INSENTIF BAGI HARTA INTELEK

- 15.1 Permohonan insentif berikut boleh dibuat setelah projek selesai, dengan syarat peruntukan bagi insentif telah dinyatakan dalam permohonan dana:

15.1.1 Insentif untuk pendedahan Harta Intelek Projek: RM500.00;

15.1.2 Insentif untuk pemfailan paten Harta Intelek Projek: RM5,000.00; &

15.1.3 Insentif untuk pemberian paten Harta Intelek Projek: RM10,000.00.

Pembayaran insentif ini dibuat secara *one-off*

- 15.2 MOSTI akan menyalurkan pembayaran bagi:

15.2.1 Insentif untuk pendedahan Harta Intelek Projek apabila menerima bukti pendedahan Harta Intelek Projek;

15.2.2 Insentif untuk memfailkan paten Harta Intelek Projek apabila menerima bukti pemfailan paten Harta Intelek Projek; dan

15.2.3 Insentif pemberian hak milik Harta intelektual projek apabila menerima bukti paten yang diberikan Harta Intelek Projek.

15.3 Penerima dana hendaklah memaklumkan kepada MOSTI secara bertulis tentang kewujudan Harta Intelek Projek tidak lewat dari enam puluh (60) hari dari Tarikh Penyempurnaan Projek.

16. PENAMATAN

16.1 MOSTI berhak menarik balik dana sekiranya berlaku perkara berikut:

- i. Sebarang maklumat palsu yang diberikan oleh penerima dana;
- ii. Perubahan skop projek tanpa persetujuan bertulis daripada MOSTI;
- iii. Perubahan Ketua Projek tanpa kebenaran bertulis daripada MOSTI;
- iv. Sebarang penyalahgunaan dana;
- v. Pencapaian/ kemajuan tidak seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian; dan
- vi. Sebarang pelanggaran Perjanjian.

16.2 Jika projek ditamatkan oleh MOSTI, penerima dana hendaklah membayar balik jumlah dana yang telah disalurkan.

16.3 MOSTI berhak, pada bila-bila masa, untuk mengkaji, menggantung atau menarik balik kelulusan apa-apa dana atau pembayaran; dan

16.4 MOSTI berhak untuk membuat tuntutan terhadap penerima dana atas segala kerugian yang timbul akibat sebarang kegagalan pihak penerima dana seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian.

17. PENYATA PERBELANJAAN DAN DANA YANG TIDAK DIBELANJAKAN

17.1 MOSTI berhak meminta penerima dana untuk menyerahkan penyata perbelanjaan pada bila-bila masa semasa tempoh projek atau untuk memberikan maklumat tambahan bagi menyokong perbelanjaan interim atau akhir.

- 17.2 Penerima dana hendaklah mengembalikan jumlah dana yang tidak dibelanjakan kepada MOSTI dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penyempurnaan projek. Bagi projek yang ditamatkan, penerima dana perlu mengembalikan jumlah dana yang telah disalurkan, kepada MOSTI dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis penamatan.

18. MALAYSIAN CODE OF RESPONSIBLE CONDUCT IN RESEARCH

Semua yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mematuhi tatacara dan amalan yang termaktub dalam *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research*.

19. KELULUSAN ETIKA, KELULUSAN JAWATANKUASA KEINSTITUSIAN BIOKESELAMATAN (IBC)/ PEMAKLUMAN DAN PEMATUHAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN YANG BERKAITAN

- 19.1 Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan dan memberikan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan jika diperlukan.
- 19.2 Bagi projek yang memerlukan ujian terhadap manusia atau haiwan, Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan etika (*ethical clearance*) dan mengemukakan salinan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.
- 19.3 Bagi projek yang melibatkan organisma hidup terubah suai (*living modified organisms*, LMOs), Ketua Projek hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Jawatankuasa Keinstitusian Biokeselamatan/ berkaitan dan mengemukakan salinan permohonan untuk kelulusan Lembaga Biokeselamatan Negara.
- 19.4 Maklumat mengenai penggunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisional (*biological and associated traditional knowledge*) hendaklah dilengkapi dengan mengisi borang di **Lampiran 5**.

Lampiran 1

TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI

Tahap TRL	Penerangan	Ciri-ciri
TRL 1	<i>Basic Principle</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Technology research</i> • <i>Pure science begins translation to R&D</i>
TRL 2	<i>Formulation of Concept</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Early studies for application formulation</i> • <i>Invention & Practical Application Begins</i>
TRL 3	<i>Experimental Proof of Concept</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Analytical validation & proof of concept</i> • <i>Start active research & development</i>
TRL 4	<i>Lab validation</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Validation in laboratory environment</i> • <i>Ready to begin bridge for technology transition</i>
TRL 5	<i>Validation in real environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Validation in relevant environment</i> • <i>Ready to enter technology development</i>
TRL 6	<i>Demonstration in real environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Demonstrated in relevant environment</i> • <i>Ready to enter system development</i>
TRL 7	<i>Demonstration of prototype</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Demonstrated in operational environment</i> • <i>Ready for limited production decision</i>
TRL 8	<i>Product/System complete and qualified</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Compliant, qualified & test/demo complete</i> • <i>Ready for operational evaluation</i>
TRL 9	<i>Product/System proven</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Completed operational evaluation</i> • <i>Ready for full-rate</i>

BIDANG KEUTAMAAN DANA TeD 1

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu)	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan Termaju untuk Ekonomi Kitaran dan Masyarakat Lestari • Kilang Pintar Generasi Baharu • Pembuatan Peranti Pintar dan Pembangunan Teknologi
Perubatan dan Penjagaan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesihatan Digital • Perubatan Jitu • Hab Ujian Klinikal bagi Negara Membangun
Pertanian dan Perhutanan;	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan Laut Nilai Tinggi • Makanan Halal Premium • Input Pertanian Tempatan • Pengurusan Rantaian Bekalan Pintar untuk Kelestarian Produk Hutan
Air dan Makanan	<ul style="list-style-type: none"> • Buah-buahan Tropika Premium • Makanan Unggul (“Superfood”) Tempatan • Pengurusan Bersepadu Sumber Air
Bandar Pintar dan Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Bersepadu Infrastruktur dan Infostruktur Bandar • Sistem Pintar untuk Komuniti Bandar – Luar Bandar Terhubung • Reka Bentuk dan Analisis Berpaksikan Manusia

PEMACU SOSIOEKONOMI	BIDANG KEUTAMAAN
<p style="text-align: center;">Tenaga</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian Tenaga Boleh Diperbaharui • Sistem Penyimpanan Tenaga • Grid Mikro
<p style="text-align: center;">Alam Sekitar dan Biodiversiti;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Biodiversiti Jitu • Produk Eko-Inovatif daripada Bahan Buangan
<p style="text-align: center;">Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Model Perniagaan Langganan dan Platform Perkongsian • Perkhidmatan Berdigital & Berautonomi • Teknologi Kewangan dan Kewangan Islam
<p style="text-align: center;">Pendidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dan Penyesuaian Peribadi • Pensijilan Mikro • Pembelajaran Dalam Talian Global: Mempromosikan Kandungan Tempatan
<p style="text-align: center;">Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kandungan Kreatif dan Warisan • Pelancongan Digital • Pelancongan Nilai Tinggi

SENARAI DOKUMEN SOKONGAN

Syarikat Pemula / PKS		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital & Salinan bercetak	Muat naik eDana & dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2	Carian SSM Terkini (Maklumat Korporat daripada Portal MyDATA)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
3	Permit bekerja bagi ahli projek bukan warganegara/ surat pelantikan	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
4	Laporan Kewangan Teraudit Terkini (perolehan tahunan, penyata keuntungan dan kerugian, aliran tunai dan lain-lain)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
5	Perjanjian kontrak/ Surat penerimaan antara pemohon dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
6	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana		√
7	Perjanjian kontrak/ Surat penerimaan antara pemohon dan perunding	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
8	Resume ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
9	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
10	Penyata KWSP Syarikat (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
11	Carian Insolvensi (syarikat dan ahli projek)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
12	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
13	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik eDana	√	

Organisasi STI/ Institut Penyelidikan Kerajaan/ Institut Pengajian Tinggi		Jenis Dokumen	Mod Penghantaran	Pemohon	Rakan kerjasama (jika berkenaan)
1	Akuan Berkanun	Salinan digital & Salinan bercetak	Muat naik eDana & dikemukakan semasa Sesi Penilaian	√	
2	Resume ahli projek dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
3	Perjanjian kontrak/ Surat penerimaan antara pemohon dan rakan kerjasama	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
4	Surat kebenaran daripada ketua jabatan untuk menjadi ahli projek (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
5	Perjanjian kontrak/ Surat penerimaan antara pemohon dan perunding	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
6	Perjanjian Pemindahan Teknologi/ harta intelek (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
7	Carian Insolvensi (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	√
8	Kelulusan etika/ Kelulusan atau pemakluman IBC (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
9	Satu sebut harga bagi setiap peralatan dan perkhidmatan yang disenaraikan untuk dibeli	Salinan digital	Muat naik eDana	√	
10	Penyata KWSP Syarikat (jika berkenaan)	Salinan digital	Muat naik eDana		√

Lampiran 4

MODEL PERNIAGAAN DANA PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

<p><u>Rakan Kongsi Utama</u></p> <p>Siapa rakan kongsi utama?</p> <p>Siapa pembekal utama?</p> <p>Apa yang akan diterima daripada mereka? Diberi kepada mereka?</p>	<p><u>Aktiviti Utama</u></p> <p>Apa aktiviti utama yang diperlukan?</p> <p>Pembuatan? Perisian?</p> <p>Jaringan Pembekal?</p>	<p><u>Nilai yang Diberikan</u></p> <p>Apakah masalah pelanggan yang ingin diselesaikan?</p> <p>Apakah keperluan pelanggan untuk dipenuhi?</p> <p>Apakah ciri utama produk yang mampu memenuhi kehendak pelanggan/ masalah?</p>	<p><u>Hubungan Pelanggan</u></p> <p>Bagaimana untuk mendapat, mengekalkan dan meningkatkan pelanggan?</p>	<p><u>Pelanggan</u></p> <p>Siapa pelanggan terpenting?</p> <p>Apakah <i>archetypes</i> pelanggan?</p> <p>Apakah tindakan yang dikehendaki pelanggan?</p>
	<p><u>Sumber Utama</u></p> <p>Apakah sumber utama yang diperlukan?</p> <p>Kewangan, fizikal, harta intelek, sumber manusia?</p>		<p><u>Saluran</u></p> <p>Apakah saluran yang diinginkan oleh pelanggan untuk dicapai?</p>	
<p><u>Kos</u></p> <p>Apakah kos utama yang terlibat dalam model perniagaan ini?</p>		<p><u>Pendapatan dan Faedah</u></p> <p>Bagaimana wang dijana?</p> <p>Apakah model keuntungan? Taktik harga?</p>		

MAKLUMAT PENGGUNAAN SUMBER BIOLOGI DAN PENGETAHUAN TRADISIONAL BERSAMA (JIKA BERKAITAN)

1. Adakah sumber biologi atau pengetahuan tradisional yang berkaitan dengan sumber biologi atau maklumat yang berkaitan dengannya digunakan dalam penemuan ini.

Ya Tidak

2. Sekiranya ya, berikan butiran:

i. Negara :

ii. Negeri :

iii. Tarikh kebenaran:

iv. Tarikh Perjanjian perkongsian faedah:

Salinan permit disertakan bersama borang ini.

3. Tarikh pemberitahuan permohonan ini untuk paten kepada Pihak Berkuasa Kompeten Nasional di bawah Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Pembahagian Manfaat 2016.

Salinan bukti penerimaan pemberitahuan disertakan bersama borang ini.